

Headline	5,000 tin Pepsi percuma		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	08 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	11	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	241 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,278
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,835



Tawaran bagi pembelian akhbar *Kosmo!* dan *Utusan Malaysia*

# 5,000 tin Pepsi percuma

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 5,000 tin minuman Pepsi akan diberikan secara percuma kepada pembaca setia *Kosmo!* bagi setiap pembelian satu naskhah *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!*.

Pengurus Pengedaran dan Jualan Kumpulan Utusan, Mohammad Fahmi Asraf Khan berkata, promosi yang bermula sejak semalam itu sebagai tarikan kepada pembaca setia untuk terus menyokong penjualan kedua-dua akhbar tersebut.

“Semalam di Pasar Tani Taman Melawati, Ampang, kita berjaya menjual 100 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* dan 100 naskhah akhbar *Kosmo! Ahad*, manakala jualan akhbar melalui vendor di salah sebuah kedai di situ turut berjaya menghabiskan jualan sebanyak 40 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* serta 60 naskhah akhbar *Kosmo!*.”

“Jumlah keseluruhan jualan bagi kedua-dua akhbar tersebut ialah sebanyak 300 naskhah hanya dalam tempoh dua jam,” katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* di sini semalam.



MOHAMMAD FAHMI (dua dari kanan) bersama bekas Pengarang *Kosmo!*, Hamzah Sidek (tengah) pada kempen jualan akhbar *Kosmo!* dan *Utusan Malaysia* di Pasar Tani Taman Melawati, Ampang semalam.

Tambahnya lagi, kempen jualan beserta promosi minuman Pepsi percuma tajaan Etika Sdn. Bhd. itu akan diteruskan lagi di Pasar Tani Mega Shah Alam hari ini.

“Kempen jualan sebanyak 150 naskhah *Utusan Malaysia* dan 150 naskhah *Kosmo!* akan dijalankan

oleh eksekutif pemasaran kita bersama-sama vendor di sana nanti.

“Promosi ini hanya berlangsung selama dua hari, iaitu hari ini (semalam) serta esok (hari ini) dan lebih tin minuman Pepsi tersebut akan diedarkan menerusi dalam program lain pula” jelasnya.